

MALAYSIA MADANI: KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN KETUA MASYARAKAT DI TANJUNG MALIM

TAY PING CHEK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**MALAYSIA MADANI: KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN KETUA
MASYARAKAT DI TANJUNG MALIM**

TAY PING CHEK

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

**PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيزستتي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada Jumaat 01 Mac 2024

i. Perakuan pelajar:

Saya, Tay Ping Chek, D20201094922, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan ini mengaku bahawa projek akhir tahun yang bertajuk Malaysia Madani: Kefahaman dan Kesediaan Ketua Masyarakat di Tanjung Malim ialah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Madya Dr. Samsudin Bin Suhaili dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Malaysia Madani: Kefahaman dan Kesediaan Ketua Masyarakat di Tanjung Malim dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Malaysia dengan Pendidikan.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnia-Nya saya telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Tanpa sokongan dan ajaran-Nya, saya tidak akan mampu untuk melengkapkan latihan ilmiah ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia saya, Profesor Madya Dr. Samsudin Suhaili kerana kesanggupan beliau menerima dan membimbing saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini walaupun beliau penuh dengan amanah dan sedang mengikut program mobiliti di luar negara. Pandangan, bimbingan dan cadangan bernas beliau amatlah membantu semasa saya menjalankan kajian. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau yang begitu sabar dan ikhlas untuk mendidik supaya saya dapat memperbaiki segala kelemahan yang ada pada dalam latihan ilmiah ini. Penghargaan yang ternilai buat keluarga saya kerana sering memberi saya sokongan dan mendoakan saya sepanjang tempoh masa menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga saya juga merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan saya kerana sering memotivasikan saya semasa menjalankan kajian ini. Akhirnya, saya juga mengucapkan terima kasih kepada para informan kajian saya kerana sudi berkongsi pandangan mengenai isu kajian dan membantu saya melengkapkan latihan ilmiah ini.





ABSTRAK

Gagasan Malaysia Madani telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang maju dan sejahtera. Objektif utama gagasan ini adalah untuk membangunkan semula ekonomi negara pasca pandemik Covid-19. Kejayaan gagasan ini amat memerlukan sokongan dan pemahaman ketua-ketua masyarakat untuk membangunkan masyarakat kawasan setempat. Oleh itu, kajian ini mempunyai objektif iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan ketua masyarakat terhadap konsep dan pendekatan dalam Malaysia Madani, meneliti tahap kesediaan ketua masyarakat untuk terlibat dalam mencapai hasrat Malaysia Madani dan mengenal pasti strategi untuk meningkatkan pemahaman ketua masyarakat terhadap Dasar Malaysia Madani. Konsep masyarakat Madani dan masyarakat pelbagai budaya telah digunakan untuk menerangkan suasana yang ingin dicapai di bawah Malaysia Madani dan latar belakang masyarakat Malaysia sedia ada. Teori fungsionalisme struktur telah diguna untuk menjelaskan hubungan kerjasama antara pihak kerajaan dengan ketua masyarakat termasuk rakyat umum dalam usaha menjayakan gagasan Malaysia Madani. Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan adalah kualitatif melalui pendekatan kajian kes. Kaedah yang digunakan untuk mengumpul data primer adalah melalui temu bual bersama dengan lima orang ketua masyarakat yang dipilih secara persampelan kuota. Data sekunder dikutip melalui menganalisis maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber yang sah. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan ketua masyarakat terhadap Malaysia Madani berada pada tahap sederhana. Manakala tahap kesediaan ketua-ketua masyarakat adalah tinggi untuk mencapai hasrat Malaysia Madani. Kajian ini juga mendapati empat strategi yang dapat meningkatkan pemahaman ketua masyarakat dan rakyat terhadap Malaysia Madani, iaitu secara kursus atau ceramah, mesyuarat, program atau kempen dan motivasi. Implikasi kajian ini boleh digunakan oleh mana-mana agensi untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaan dasar kerajaan Gagasan Malaysia Madani dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Kata Kunci: Malaysia Madani, Ketua masyarakat, Kefahaman, Kesediaan, Strategi





MALAYSIA MADANI: UNDERSTANDING AND READINESS OF COMMUNITY LEADERS IN TANJUNG MALIM

ABSTRACT

The idea of *Malaysia Madani* was introduced by the 10th Prime Minister, Datuk Seri Anwar bin Ibrahim to create a developed and prosperous Malaysian society. The main objective of this idea is to redevelop the country's economy after the Covid-19 pandemic. The success of this idea requires the support and understanding of community leaders to develop the community in the local area. Therefore, this study has the objective of identifying the level of community leaders' knowledge of the concepts and approaches in *Malaysia Madani*, examining the level of community leaders' willingness to be involved in achieving the aspirations of *Malaysia Madani* and identifying strategies to increase community leaders' understanding of the *Malaysia Madani's* Policy. The concept of “*madani*” society and multicultural society has been used to explain the atmosphere to be achieved under *Malaysia Madani* and the background of existing Malaysian society. The theory of structural functionalism has been used to explain the cooperative relationship between the government and community leaders, including the general public, in an effort to make the idea of *Malaysia Madani* success. In this study, the research design used is qualitative through a case study approach. The method used to collect primary data is through interviews with five community leaders selected by quota sampling. Secondary data is collected through analysing the information obtained from various authentic sources. The results of the study found that the level of knowledge of community leaders about *Malaysia Madani* is at a moderate level. While the level of readiness of community leaders is high to achieve the aspirations of a *Malaysia Madani*. This study also found four strategies that can increase community leaders and society's understanding of *Malaysia Madani*, namely through courses or lectures, meetings, programs or campaigns and motivation. The implications of this study can be used by any agency to find out the effectiveness of the government's implementation of the *Malaysia Madani* idea among the Malaysian community.

Keywords: *Malaysia Madani*, Community leaders, Understanding, Preparedness, Strategy





KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGAKUAN	i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	x
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Latar Belakang Malaysia Madani	6
1.2.2 Malaysia Madani dan Masyarakat Pelbagai Budaya	8
1.3 Pernyataan Masalah	22
1.4 Persoalan Kajian	25
1.5 Objektif Kajian	25
1.6 Skop dan Batasan Kajian	26
1.7 Kepentingan Kajian	28
1.8 Organisasi Bab	30
1.9 Penutup	32
BAB 2 TINJAUNAN LITERATUR	33
2.1 Pendahuluan	33
2.2 Latar Masyarakat Pelbagai Budaya di Malaysia	34
2.2.1 Sebelum Zaman Penjajahan	35



2.2.2	Zaman Penjajahan British	36
2.2.3	Pasca Merdeka	38
2.3	Dasar-Dasar Pembangunan Negara	39
2.3.1	Dasar Ekonomi Baru (Tahun 1971 - 1990)	40
2.3.2	Dasar Kebudayaan Kebangsaan (Tahun 1971)	43
2.3.3	Wawasan 2020 (Tahun 1990)	47
2.3.4	Islam Hadhari (Tahun 2002)	49
2.3.5	Gagasan 1 Malaysia (Tahun 2009)	51
2.3.6	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Tahun 2020)	54
2.3.7	Keluarga Malaysia (Tahun 2021)	56
2.4	Ketua Masyarakat	58
2.4.1	Latar Belakang Ketua Masyarakat	58
2.4.2	Peranan dan Tanggungjawab	62
2.5	Konsep Masyarakat Madani	65
2.5.1	Pelaksanaan Malaysia Madani	67
2.6	Konsep Masyarakat Pelbagai Budaya	70
2.7	Aplikasi Teori Fungsionalisme Struktur	73
2.8	Penutup	75
BAB 3	METODOLOGI	76
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	77
3.3	Instrumen Kajian	78
3.4	Pengumpulan Data Primer	81
3.5	Pengumpulan Data Sekunder	83
3.6	Populasi dan Sampel Kajian	86

3.7	Kaedah dan Prosedur Pengumpulan Data	88
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data Primer	88
3.7.2	Prosedur Pengumpulan Data Sekunder	89
3.8	Kaedah Menganalisis Data	90
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	91
3.10	Penutup	92
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	93
4.1	Pendahuluan	93
4.2	Latar Belakang Informan	94
4.3	Tahap Pengetahuan terhadap Konsep dan Pendekatan Madani	96
4.3.1	Konsep	96
4.3.1.1	Kemampanan (<i>Sustainability</i>)	97
4.3.1.2	Kesejahteraan (<i>Prosperity</i>)	99
4.3.1.3	Daya Cipta (<i>Innovation</i>)	102
4.3.1.4	Hormat (<i>Respect</i>)	104
4.3.1.5	Keyakinan (<i>Trust</i>)	106
4.3.1.6	Ihsan (<i>Care and Compassion</i>)	108
4.3.2	Asal Usul	111
4.3.3	Teras Strategik	114
4.3.3.1	Membina Semula Ekonomi	114
4.3.3.2	Menjamin Kesejahteraan Insan	116
4.3.3.3	Reformasi Institusi Demokrasi dan Perundangan	118
4.3.3.4	Mewujudkan Pentadbiran Beramanah	120
4.4	Tahap Kesediaan Mencapai Hasrat Malaysia Madani	122
4.5	Strategi Peningkatkan Pemahaman terhadap Malaysia Madani	126

4.5.1	Pemahaman Awal	127
4.5.2	Strategi	131
4.5.3	Harapan	138
4.6	Penutup	140
BAB 5	RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	142
5.1	Pendahuluan	142
5.2	Rumusan	143
5.3	Kesimpulan Dapatan Kajian	146
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	148
5.5	Penutup	150
RUJUKAN		151

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Populasi Penduduk Mengikut Agama di Malaysia dari Tahun 1970 hingga Tahun 2020	15
1.2	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Lelaki dan Perempuan (2016-2020)	18
1.3	Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Etnik (2016-2019)	19
1.4	Statistik Pendaftaran OKU Mengikut Jantina dan Kategori Sehingga 31 Januari 2023	21
2.1	Populasi Etnik Warganegara di Malaysia dari Tahun 1970 hingga Tahun 2020	38
2.2	Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Etnik (1970-1990)	41
2.3	Jumlah Ahli JPKK Mengikut Negeri Pada Tahun 2023	61
2.4	Bilangan Ketua Masyarakat di Daerah Muallim Pada Tahun 2023	62
3.1	Latar Belakang Informan	82

SENARAI SINGKATAN

Covid-19	<i>Coronavirus Disease</i>
DAP	Parti Tindakan Demokrasi
DEB	Dasar Ekonomi Baru
EM	Ekonomi Manusiawi @ Madani
FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan Kampung dan Keselamatan
OKU	Orang Kelainan Upaya
PADU	Sistem Pangkalan Data Utama
PeKa 40	Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40
PMR	Program Menu Rahmah
RIMUP	Rancangan Sekolah Wawasan dan Rancangan Integrasi Murid- Murid Untuk Perpaduan
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
SARA	Sumbangan Asas Rahmah
SBGPOKU	Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU
STR	Sumbangan Tunai Rahmah
UMNO	Pertubuhan Melayu Bangsa Bersatu

BAB 1

PENGENALAN

Sebaik mencapai kemerdekaan, masyarakat Malaysia telah dibentuk oleh rakyat yang terdiri daripada latar belakang budaya yang berbeza sehingga dikenali sebagai sebuah masyarakat pelbagai budaya atau *multicultural society*. Kewujudan masyarakat pelbagai budaya ini berkait rapat dengan sejarah awal kedatangan imigren-imigren dan d dasar-dasar British semasa era penjajahan di Tanah Melayu. Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf secara jelas kedudukan bumiputera dan pelbagai etnik lain yang telah telah menjadikan seluruh rakyat Malaysia mempunyai hak untuk mempertahankan dan mengekalkan budaya masing-masing. Ketetapan ini telah memenuhi keperluan setiap etnik untuk mempertahankan identiti dan mengamalkan



budaya etnik sendiri (Gudeman, 2002). Sebagai kesan langsung, agenda pembentukan sebuah negara bangsa Malaysia pada masa kini semakin kompleks dan tidak dapat dielakkan daripada mengambil kira kepentingan setiap nilai budaya etnik yang terdapat di negara ini.

Sebagai sebuah negara yang meletakkan agama Islam sebagai agama rasmi, Malaysia telah berusaha menerapkan unsur-unsur Islam dalam usaha pembangunan negara. Pada masa yang sama, kepercayaan dan amalan agama-agama lain adalah terjamin dan tidak dinafikan. Demi mengekalkan keharmonian masyarakat, pelbagai pendekatan digunakan untuk mengeratkan hubungan dan menyatupadukan semua kaum. Dalam sejarah pembentukan negara Islam, Nabi Muhammad S.A.W merupakan tokoh pemimpin yang berjaya menyatupadukan masyarakat di Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku, terutama golongan Muhajirin dan Ansar. Piagam Madinah atau *Medina Charter* yang diperkenalkan telah merangkumi pelbagai kumpulan, agama, etnik, kaum dan warna kulit pada ketika itu (Ahmad Mukri Aji et al., 2020). Berdasarkan prinsip ini dalam hubungannya komposisi masyarakat Malaysia dengan Gagasan Malaysia Madani dilihat dapat membawa keadilan dan kemakmuran kepada pembangunan Malaysia dalam menghadapi cabaran masa akan datang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia Madani merupakan gagasan yang diperkenalkan oleh kerajaan dan dilancarkan pada 19 Januari 2023 untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang





menjunjung prinsip keadilan dan keamanan sejagat tanpa mengira perbezaan latar belakang budaya (Anwar Ibrahim, 2022). Prinsip keadilan sosial adalah salah satu syarat untuk menjamin kesejahteraan dan kemajuan sesebuah negara selaras dengan prinsip Islam dalam mentadbir sesebuah negara:

... keadilan sosial ialah kesamarataan perihal kemasyarakatan yang melibatkan semua individu dari segi hak dan tanggungjawab dalam ruang lingkup yang betul dan sesuai dalam semua lapangan kemasyarakatan. (Mohamad Zarifi Mohamad Dail; Taqwa Zabidi, 2009:118)

Pengamalan prinsip ini adalah untuk memastikan setiap rakyat tidak dipinggirkan dalam menikmati peluang dan pembangunan secara saksama. Keadilan ini penting untuk mengelakkan negara terjerumus kepada tragedi 13 Mei 1969 yang salah satu puncanya ialah jurang pendapatan antara etnik yang begitu besar (Muhammad Najit Sukemi et al., 2020). Daripada insiden ini dapat memperlihatkan masalah perkauman boleh berlaku bukan sahaja disebabkan oleh ketidakadilan, tetapi juga masalah perpaduan yang lemah dan tidak dilayani dengan baik.

Masalah perpaduan bukan sesuatu perkara yang baru malah ia berpunca sejak zaman penjajahan ekoran dasar yang dilaksanakan oleh British. Masalah ini masih tidak diselesaikan sepenuhnya dan beberapa kes konflik perkauman masih berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia. Sepanjang tahun 1996 hingga 2002 didapati sebanyak 327 kes konflik sosial berlaku yang terdiri daripada 81 kes pergaduhan antara etnik, 76 kes





konflik politik, 65 kes konflik agama dan 38 kes keselamatan dan bakinya adalah konflik sosial yang lain seperti seperti masalah kejiwaan dan pendidikan. Konflik sosial ini berpunca daripada kekurangan pemahaman konsep kepelbagaian budaya hidup bermasyarakat dan dasar-dasar kerajaan serta kekurangan masyarakat berinteraksi dalam kalangan etnik yang berbeza sehingga mencetuskan perselisihan faham (Baterah Alias et. al, 2014). Kenyataan ini telah menunjukkan masalah sosial yang wujud dalam masyarakat Malaysia sering dikaitkan dengan perkauman yang telah wujud dalam aspek yang lain seperti politik dan ekonomi.

Politik merupakan salah satu elemen yang mampu mempengaruhi hubungan masyarakat khususnya di Malaysia yang bersifat politik perkauman. Perpaduan dalam kalangan orang Melayu dalam medan politik telah berlaku sejak zaman pra merdeka.

Perpaduan dalam kalangan orang Melayu dapat dikesan pada ketika mereka menentang Malayan Union, tetapi perpecahan juga berlaku kerana memihak kepada dua aliran ideologi politik yang berbeza, iaitu penyokong kepada Pertubuhan Melayu Bangsa Bersatu (UMNO) dan penyokong kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (Ilyas Abdullah, 2021). Setelah itu, parti politik di Malaysia yang bergerak berasaskan kaum dan ideologi sendiri turut menjadi ancaman kepada perpaduan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dijelaskan oleh Aszlan Selamat dan Mohamad Iszuan Safarudin (2016) bahawa:

Walau bagaimanapun, parti yang berasaskan kaum ini dalam masa-masa tertentu dapat dijadikan landasan dalam menyelesaikan isu kaum tersebut.





Namun, struktur politik sebegini akan menjadi halangan dalam pembinaan nasyon kerana kepentingan kaum dilihat terlebih dahulu berbanding kepentingan nasyon kecenderungan dalam melihat sesuatu masalah masyarakat dan negara menurut perspektif kaum. (2016:83)

Berdasarkan pernyataan tersebut, kewujudan situasi ini juga disebabkan kekurangan sikap toleransi terhadap perbezaan antara budaya dan agama terhadap etnik berbeza. Bagi mencapai mengatasi masalah ini, pelbagai dasar telah digubal oleh kerajaan dari semasa ke semasa terutama untuk mengatasi masalah jurang perbezaan dalam kalangan masyarakat. Dasar Ekonomi Baru, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pembangunan Nasional, Wawasan 2020 dan Islam Hadhari yang bersifat universal telah dilaksanakan di negara ini. Dari sudut jurang pendapatan, Dasar Ekonomi Baru telah berusaha membasmi kemiskinan kaum bumiputera dengan menyediakan pelbagai peluang ekonomi yang lebih banyak dan menggalakkan pernyataan mereka supaya mereka tidak ketinggalan kaum lain (Mohamad Asrol Arpidi Mamat et al., 2014). Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah untuk mengintegrasikan kepelbagaian budaya yang ada di negara ini, manakala Dasar Pembangunan Nasional adalah untuk mengukuhkan struktur sosioekonomi Malaysia dan berhasrat untuk mengatasi cabaran mencapai status negara maju seperti yang dirancang di dalam Wawasan 2020.

Selain dasar-dasar tersebut, dasar pendidikan telah dibuktikan memainkan peranan dalam usaha membina masyarakat yang bersatu padu kerana semangat





perpaduan hendaklah didukung oleh warga pendidik serta ilmu perpaduan perlu disampaikan dapat menjamin keharmonian dan keamanan masyarakat Malaysia (Nur Ayuni Nusaibah Husin & Amir Hasan Dawi 2019). Sistem pendidikan nasional yang telah dilaksanakan di pelbagai peringkat sekolah yang terdiri pelbagai budaya menyeragamkan sukatan pelajaran dan memenuhi keperluan masyarakat pelbagai budaya demi membentuk sebuah bangsa Malaysia. Antara pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah Rancangan Sekolah Wawasan dan Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Di bawah konsep sekolah wawasan, kerajaan berhasrat untuk menyatukan sekolah-sekolah yang berasaskan kaum dalam sistem pendidikan yang seragam demi melahirkan bangsa Malaysia yang lebih cinta akan negara (Azizi Yahaya et. al., 2002). Manakala RIMUP merupakan program untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid-murid pelbagai budaya di sekolah melalui program-program yang bakal diadakan. Kedua-dua ini telah menunjukkan usaha kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu menerusi peralatan pendidikan.

1.2.1 Latar Belakang Malaysia Madani

Dari segi definisi, madani ditakrifkan sebagai kemajuan dari segi pemikiran dan kerohanian supaya membentuk sesebuah masyarakat yang penuh dengan nilai-nilai murni. Malaysia Madani ini turut dikenali sebagai Dasar Reformasi kerana konsep Malaysia Madani telah diperkenalkan sejak tahun 1997 oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim





dalam bukunya “*The Asian Renaissance*”. Konsep Malaysia Madani memberi tumpuan kepada empat teras strategik utama, iaitu membina semula ekonomi, menjamin kesejahteraan insan, reformasi institusi demokrasi dan perundangan, serta mewujudkan pentadbiran beramanah. Demi mencapai hasrat ini, terdapat tiga penggerak yang harus dilakukan untuk melancarkan agenda Malaysia Madani, iaitu digitalisasi perkhidmatan rakyat, pendayaupayaan bakat terbaik negara dan memperkasakan pengurusan projek strategik (Mustaffa Kamil Ayub, 2023). Malaysia Madani mempunyai objektif utama, iaitu membangunkan semula ekonomi Malaysia khususnya selepas Pasca Pandemik Covid-19. Usaha ini perlu dilakukan secara menyeluruh dan meliputi pelbagai bidang serta memerlukan penglibatan segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, cabaran-cabaran yang sedia ada di Malaysia perlu diatasi secepat mungkin melalui pendekatan yang pelbagai.



Di bawah konsep Gagasan Malaysia Madani, salah satu objektif adalah untuk membentuk masyarakat Malaysia Madani yang mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan harian. Terdapat beberapa nilai universal perlu ditekankan untuk mewujudkan keadilan masyarakat secara menyeluruh. Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim menjelaskan bahawa:

Enam rukun utama MADANI – keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan, dan Ihsan – merupakan cerakinan daripada perintah Allah SWT yang terkandung dalam al-Qur’an al-Majid serta cerminan daripada



keperibadian dan ketokohan junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW
(Anwar Ibrahim, 2023:31).

Kesemua rukun ini adalah saling berkaitan serta mengatasi cabaran yang dihadapi oleh negara seperti kerumitan, percanggahan, kekacauan, keserentakan dan masa hadapan. Bagi mengatasi masalah ekonomi, tumpuan kerajaan juga merangkumi keseluruhan aspek pembangunan negara, bukan aspek ekonomi semata-mata sahaja seperti perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar.

1.2.2 Malaysia Madani dan Masyarakat Pelbagai Budaya

Dalam agenda Malaysia Madani telah memberi fokus kepada situasi sebenar masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai budaya. Keenam-enam rukun tersebut bukan sahaja saling berhubung kait, tetapi juga dapat mencakupi dalam setiap aspek dan ciri pelbagai budaya. Kewujudan pelbagai budaya ini perlu diterima dan dihormati di bawah Agenda Malaysia Madani seperti yang disebutkan oleh Adi Anuar Azmin dan Abd Rahman Ahmad (2023) bahawa:

Sesungguhnya, masyarakat Malaysia bukan sahaja perlu diberi kesedaran dan kefahaman berhubung kepelbagaian dan perbezaan dalam kalangan mereka

tetapi juga kesedaran agar menghormati kepelbagaian dan perbezaan ini.
(2023:16)

Pernyataan ini telah menekankan bahawa Malaysia Madani adalah berhasrat melahirkan warganegara yang mengetahui perbezaan antara satu sama lain tetapi masih mengamalkan sikap yang saling menghormati. Kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia bukan sahaja dilihat dari sudut pandangan etnik atau kaum semata-mata, malah boleh dilihat dalam ciri-ciri yang lain. Antara ciri lain yang dapat diukur ialah bahasa, agama, gender, sosioekonomi, keupayaan fizikal dan mental.

Dari segi etnik atau kaum, masyarakat Malaysia dibahagi kepada etnik Melayu, Cina, India dan golongan bumiputera yang majoriti di Sabah dan Sarawak. Etnik majoriti di Malaysia ialah kaum Melayu yang terdiri daripada 57.7% daripada jumlah keseluruhan rakyat pada tahun 2023. Asal usul orang Melayu di Malaysia ada kompleks dapat dikaitkan dengan pelbagai teori seperti asal usul orang Melayu dari Yunnan, New Guinea, Taiwan, tanah Sunda, Nusantara dan teori Bani Jawi, namun kesemua teori ini adalah berasaskan kepada spekulasi penyelidik tanpa bukti yang kukuh. Namun tidak dapat dinafikan bahawa penghijrahan orang Melayu secara besar-besaran di Tanah Melayu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka (Shalini Parthipan & Seri Mirianti Ishar, 2022). Keadaan ini telah menjadikan asas kepada pembentukan masyarakat Melayu pada hari ini.



Namun, kebanyakan rakyat mempunyai kekeliruan di antara Melayu dan Islam di Malaysia. Kekeliruan ini adalah berpunca daripada ketidakfahaman terhadap konsep Melayu sebagai etnik dan Islam sebagai agama. Kekeliruan ini telah menimbulkan salah faham seperti yang dijelaskan oleh Nisar Mohammad Ahmad (2019):

Dalam kata lain, jika hubungan Melayu-Islam ini tidak difahami sebaiknya, ia sedikit sebanyak boleh menimbulkan salahfaham dengan mengaitkan apa saja berkaitan Melayu juga ada kaitan dengan Islam atau mempunyai asas Islam. Sebagai contoh, memeluk Islam dianggap ‘masuk Melayu’, budaya Melayu adalah budaya Islam, pakaian tradisi Melayu adalah pakaian tradisi Islam, mempelajari tulisan jawi adalah mempelajari agama Islam, mempertahankan ketuanan Melayu adalah mempertahankan ketuanan Islam dan sebagainya.



Pemahaman ini adalah bercanggah dan tidak selari dengan takrifan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara 160 Fasal 2 telah menakrifkan orang Melayu sebagai seseorang yang menganuti agama Islam, mahir bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu. Dalam konteks Malaysia, Melayu membawa skop definisi yang lebih luas bukan terhad kepada agama sahaja. Definisi ini juga memberi gambaran bahawa seseorang yang serumpun dengan orang Melayu tetapi bukan beragama Islam turut menjadi bukan Melayu tetapi dikenali sebagai bumiputera atau orang asli (Shaharir Mohamad Zain, 2003). Hal ini kerana orang Melayu mesti beragama Islam, malah orang Islam tidak semesti mewakili orang Melayu.





Selain daripada masyarakat Melayu, masyarakat Cina merupakan kumpulan etnik kedua terbesar di Malaysia. Secara asalnya, orang Cina berasal daripada kawasan Tanah Besar China. Sejak abad ke-19, penghijrah orang China secara beramai-ramai telah menyebabkan kebudayaan China turut disebar di negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia. Penghijrahan ini adalah disebabkan faktor dalaman dan faktor luaran. Dari segi faktor luaran, perkembangan ekonomi Barat dan Asia Tenggara dan perang saudara turut berlaku di China telah mendorong mereka untuk meninggalkan negara asal ke luar negara untuk meneruskan kehidupan (Khoo, 1998). Kedatangan orang Cina dari China adalah berasal dari tempat yang berbeza. Majoriti orang Cina yang adalah berasal dari kawasan China Selatan seperti dari Fujian Selatan dikenali sebagai Hokkien, manakala kumpulan terbesar yang kedua ialah Hakka yang dikenali sebagai Kher atau Kantonis berasal dari Guangdong (Tan, 1997). Kesemua ini telah mendorong kebudayaan Cina telah dibawa ke Asia Tenggara dan melahirkan identiti yang unik di Malaysia.

Salah satu cara penyebaran kebudayaan Cina di Tanah Melayu adalah melalui pendidikan. Pendidikan Cina mempunyai sejarah yang lama di China dan dipengaruhi oleh falsafah pemikiran Konfusianisme sehingga adat menghormati guru dan mengutamakan pendidikan telah diamalkan secara turun-temurun (Su, 2016). Keadaan ketidakstabilan politik dan sosial di China juga telah menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu pada peringkat awal secara swasta serta tidak formal yang dikenali sebagai *Si Shu* (Lee, 2009). Sekolah-sekolah Cina pada peringkat awal bukan sahaja untuk menyampaikan ilmu dan menyebarkan budaya Cina





seperti nilai-nilai murni, tetapi juga dipengaruhi oleh senario politik di luar negara. Perkembangan ini adalah disebabkan oleh pendidikan Cina mendapat sokongan daripada kerajaan Manchu serta dipengaruhi oleh parti politik di China yang bukan di bawah kawalan British. Pada tahun 1911, sebanyak 56 buah sekolah vernakular Cina telah ditubuhkan dan dipengaruhi oleh parti politik Kuomintang sehingga sekolah-sekolah ini menjadi tempat untuk subversif dan gerakan politik (Ganesan Shanmugavelu et. al, 2020). Apabila kerajaan British mengisytiharkan Enakmen Pendaftaran Sekolah 1920 bagi mengawal bilangan sekolah dan pengaruh parti politik di China.

Masyarakat India merupakan etnik ketiga terbesar di Malaysia dan mempunyai komposisi hampir dua juta orang pada tahun 2023. Kedatangan masyarakat India mempunyai persamaan dengan kedatangan masyarakat Cina, iaitu berlaku secara ketara pada abad ke-19 apabila Perjanjian Pangkor ditandatangani pada tahun 1874. Di bawah sistem Residen di Tanah Melayu, British berhasrat membangunkan hasil tanaman seperti teh, kopi dan getah yang memerlukan buruh yang ramai, mereka membawa buruh-buruh dari India Selatan untuk memenuhi keperluan mereka pada ketika itu (Manimaran Subramaniam dan Rajantheran Muniandy, 2006). Oleh itu, kepercayaan dan adat resam turut dibawa dari India dan diamalkan di Tanah Melayu.

Ciri kepelbagaian budaya yang seterusnya adalah dari segi bahasa. Bahasa merupakan alat komunikasi dan perhubungan untuk menyampaikan sesuatu antara satu sama lain. Di Malaysia, bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan kerana





mudah difahami dan dikuasai, malah majoriti rakyat adalah orang Melayu (Hanis Izrin Mohd Hassan, et. al., 2017). Walaupun Perkara 152 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tetapi tidak melarang rakyat untuk belajar dan menguasai bahasa lain. Kewujudan kepelbagaian bahasa juga berkait rapat dengan kedatangan masyarakat pelbagai kaum dan sistem pendidikan. Secara asalnya, bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar yang kerap digunakan oleh penduduk dan pendatang luar pada zaman kerajaan awal yang dikenali sebagai *lingua franca*. Situasi ini turut dijelaskan dalam penulisan Hanis Izrin Mohd Hassan et. al., (2017):

Bahasa ini digunakan sebagai alat perhubungan antara masyarakat setempat, iaitu yang tinggal di Nusantara dengan kaum pendatang. Kaum pendatang yang dinyatakan ini terdiri daripada golongan pedagang, diplomat serta pengembara.



Buktinya dapat dilihat melalui penggunaan bahasa Melayu di Thailand. Bahasa Melayu dikatakan turut menjadi bahasa perhubungan dan bahasa diplomasi antara masyarakat Siam dengan golongan pedagang yang singgah mahupun datang ke tempat itu. (2017:21)

Pernyataan tersebut telah membuktikan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja mempunyai sejarah yang lama, tetapi juga merupakan bahasa utama yang digunakan di kawasan Nusantara. Setelah penjajahan Barat dan kemasukan golongan Cina dan India, bahasa Cina dan bahasa Tamil turut diwujudkan di atas tanah ini dan dikembangkan melalui sistem pendidikan vernakular masing-masing sehingga kini. Kewujudan kepelbagaian bahasa ini telah menjamin kelangsungan tradisi dan budaya setiap etnik





di Malaysia seperti dalam masyarakat Cina yang diterangkan oleh Norazlan Yaccob et. al. (2020):

For the Chinese community, there are several important elements in enabling the minds and cultural values to be inherited by the next generation. There are stands that the languages are elements or tools to gain knowledge, through their language can learn their religion, literature, art, history, and civilization.
(2020:3989)

Ciri kepelbagaian budaya yang seterusnya ialah agama. Setiap agama mempunyai amalan ritual dan adat kepercayaan berdasarkan ajaran agama masing-masing. Dalam prinsip Rukun Negara pertama, kepercayaan kepada Tuhan telah menjelaskan setiap warganegara mesti mempunyai agama untuk dijadikan sebagai panduan kepada kehidupan untuk membentuk masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia. Jadual 1.1 menunjukkan peratusan penduduk mengikut agama di Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 2020.

Jadual 1.1

Populasi penduduk mengikut agama di Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 2020

Kaum	Populasi penduduk mengikut agama di Malaysia (%)					
	1970	1980	1991	2000	2010	2020
Islam	50.0	52.9	58.6	60.8	61.3	63.5
Kristian	5.3	6.4	8.1	9.1	9.2	9.1
Buddha	25.5	17.3	18.4	18.9	19.8	18.7
Hindu	7.4	7.0	6.4	6.2	6.3	6.1
Lain-lain	7.7	14.1	7.0	3.8	1.7	0.9
Tiada agama / Tidak diketahui	4.0	2.1	1.6	1.2	1.7	1.8

Nota. Diadaptasi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.

Dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa agama Islam merupakan agama rasmi persekutuan tetapi agama lain yang sesuai masih dibenarkan untuk mengamalkannya. Kepelbagaian agama akan melahirkan sambutan perayaan dan budaya yang berbeza antara satu sama lain. Bagi penganut Islam, perayaan yang sering disambut ialah Hari Raya Aidil Fitri dan penganut Hindu pula ialah sambutan perayaan Pesta Pongal. Pesta Pongal merupakan perayaan yang menyembahkan dan menghormati Dewa Matahari atau *Surya* yang merupakan dewa tertinggi (Johan Johnes et. al., 2022). Bagi penganut Buddha pula menyambut Hari Wesak dan penganut Kristian menyambut Hari Krismas yang mempunyai unsur-unsur keagamaan. Perayaan keagamaan tidak terhad kepada sesuatu etnik sahaja tetapi berasaskan kepada kepercayaan dan boleh diraih bersama-sama. Walaupun kebanyakan perayaan bukan perayaan agama Islam atau agama rasmi, tetapi masih boleh mendapatkan cuti umum sebagai tanda pengiktirafan kepada semua rakyat.



Ciri kepelbagaian yang lain ialah gender. Gender bukan sahaja merujuk kepada jantina, tetapi merujuk kepada budaya dan pembahagian sosial yang dikenali sebagai maskulin dan feminin. Kedua-dua ini adalah berkaitan dengan kualiti, peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh lelaki dan perempuan dalam sesebuah masyarakat (Mohd Faeiz Ikram Mohd Jasmani, 2011). Isu gender yang sering dibangkitkan ialah kesaksamaan gender (*gender equality*) seperti yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Mampan sasaran ke-5. Kesaksamaan gender telah ditakrifkan dalam Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nations Children's Fund* (2017):

The concept that women and men, girls and boys have equal conditions, treatment and opportunities for realizing their full potential, human rights and dignity, and for contributing to (and benefitting from) economic, social, cultural and political development. Gender equality is, therefore, the equal valuing by society of the similarities and the differences of men and women, and the roles they play. (2017:3)

Berdasarkan pernyataan tersebut, kesaksamaan gender bukan sahaja fokus kepada kedudukan wanita dalam masyarakat, tetapi juga berkaitan dengan hak asasi dan layanan yang layak diterima, serta pengiktirafan sumbangan mereka dalam politik, ekonomi dan sosial sesebuah negara. Namun, gender bias tetap wujud dalam masyarakat tradisional kerana meletakkan kedudukan wanita lebih rendah berbanding dengan lelaki. Kewujudan suasana masyarakat ini adalah disebabkan stereotaip





tradisional yang menyatakan wanita mempunyai obligasi dalam sektor domestik dan tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam sektor awam, jadi ketidaksamaan gender telah berlaku dalam sektor awam (Sukri, A. dan Shasrini, T., 2020). Namun, situasi tersebut masih berlaku di Malaysia pada zaman kini kerana kadar penyertaan tenaga buruh masih wujud jurang yang agak besar antara lelaki dan perempuan seperti dalam jadual 1.2. Syaza Shukri et. al. (2021) menjelaskan diskriminasi gender masih berlaku dalam amalan pekerjaan dalam kalangan penjawat awam Malaysia, terutamanya di peringkat pengambilan dan kenaikan pangkat. Punca diskriminasi adalah dijelaskan seperti berikut:

Apart from gender bias due to gender stereotypes, female employees are also seen as a burden to the organization due to their biological function primarily related to their mothers' reproductive role. At times, superiors see married female employees as a burden instead of an asset for the organization. This is due to their main role as caretakers of the family, which is not shared equally by their male partners from the perspective of their superiors. (Syaza Shukri, 2021:13)

Kewujudan stereotaip ini telah membuktikan bahawa masyarakat Malaysia masih mengalami kesukaran untuk menerima kepelbagaian budaya dari segi perbezaan fizikal dan peranan antara lelaki dan perempuan. Dalam usaha mencapai hasrat Malaysia Madani, senario ini harus diatasi supaya mencapai kesejahteraan dan keadilan dalam pelbagai sektor dan pembangunan negara pada masa akan datang.



Jadual 1.2

Kadar penyertaan tenaga buruh lelaki dan perempuan (2016-2020)

Jantina	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)				
	2016	2017	2018	2019	2020
Lelaki	80.2	80.1	80.4	80.8	80.6
Perempuan	54.3	54.7	55.2	55.6	55.3

Nota. Diadaptasi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.

Dari segi status sosioekonomi, Gagasan Malaysia Madani berhasrat mencipta suatu falsafah ekonomi yang dikenali sebagai Ekonomi Manusiawi @ Madani (EM). Berdasarkan pengalaman sejarah, pembangunan sosioekonomi yang tidak seimbang adalah disebabkan oleh dasar penjajahan, iaitu Dasar Pecah dan Perintah yang menyebabkan pembangunan ekonomi yang tidak seimbang sehingga menjadi faktor utama pencetus tragedi 13 Mei. Jurang ekonomi juga dilihat dalam konteks pembangunan bandar dan luar bandar di Malaysia tetapi juga sering dikaitkan dengan identifikasi bahawa bandar diduduki oleh kaum bukan bumiputera lebih maju berbanding luar bandar yang didiami oleh kaum bumiputera (Aszlan Selamat & Mohamad Iszuan Safarudin, 2016). Dalam masyarakat Malaysia, jurang perbezaan pendapatan antara kaum masih wujud tetapi perbezaan tersebut semakin dirapatkan (jadual 1.3). Oleh itu, EM berhasrat menangani situasi masyarakat ini demi menjamin keharmonian dan keadilan rakyat. Sasaran dan objektif EM telah dijelaskan dalam penulisan Mustaffa Kamil Ayub (2023):

... suatu pemikiran dasar tentang ekonomi yang melibatkan aktiviti pengagihan sumber secara adil, intensif kecekapan perusahaan, keseimbangan pendapatan dengan keperluan asas, kepenggunaan berhemah, kesahihan perdagangan yang lain-lain yang berpusat kepentingan umum manusia untuk mendaulatkan kemuliaan insan berpaksikan hubungan dengan pencipta serta hubungan harmoni sesama manusia dan alam sekitar berdasarkan kebenaran keadilan, peri kemanusiaan dan kasih sayang; demi manfaat manusia secara universal. (2023:153)

Berdasarkan penerangan tersebut, jelas bahawa EM adalah berlandaskan kepada prinsi-prinsip Islam dalam usaha membangunkan ekonomi Malaysia kerana mengutamakan kepentingan umum dan hubungan sesama antara manusia dan juga alam sekitar. Perbezaan sosioekonomi telah mendorong pembentukan masyarakat yang mempunyai pelbagai peluang pekerjaan berasaskan kelayakan dan kemampuan setiap individu yang berbeza.

Jadual 1.3

Pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut etnik (2016-2019)

Etnik	Pendapatan isi rumah bulanan purata (RM)			
	2016	2017	2018	2019
Bumiputera	4,457	5,548	6,267	7,093
Cina	6,366	7,666	8,750	9,895
India	5,233	6,246	7,150	8,216
Lain-lain	3,843	6,011	4,951	5,933

Nota. Diadaptasi dari Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.

Salah satu ciri pembentukan masyarakat pelbagai budaya ialah keupayaan fizikal dan mental seseorang individu. Ciri ini dapat dilihat khususnya dalam golongan kelainan keupayaan dari segi mental dan fizikal. Keupayaan ini mencerminkan bahawa masyarakat mempunyai golongan yang berlainan dengan golongan biasa, tetapi mereka turut mendapat layanan yang sama rata dan tidak harus diskriminasi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 Fasal 2. Di Malaysia, golongan ini turut mendapat jaminan hak asasi dan kebajikan daripada pelbagai institusi. Sebagai contoh golongan ini yang berdaftar sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia turut akan mendapat pelbagai kemudahan seperti Kemudahan Pengurangan Tambang Pengangkutan Awam, Program Pendidikan Nasional, Bantuan Kewangan Pelajar OKU di Sekolah, Peluang Pekerjaan OKU dan Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGPOKU).

Sifat pendaftaran ini adalah secara sukarela, bukan secara wajib (Zulazhar Tahir, 2023). Jenis ketidakupayaan ini turut dibahagi kepada pelbagai kategori seperti masalah penglihatan, pendengaran, pertuturan, pembelajaran, mental dan pelbagai seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut (jadual 1.4). Golongan ini mempunyai keupayaan yang berlainan daripada manusia biasa, tetapi mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat dan insan ciptaan-Nya.

Jadual 1.4

Statistik pendaftaran OKU mengikut jantina dan kategori sehingga 31 Januari 2023

Kategori OKU	Bilangan pendaftaran OKU (orang)		Jumlah (orang)
	Lelaki	Perempuan	
Penglihatan	35,169	20,071	55,240
Pendengaran	23,240	19,412	42,652
Pertuturan	2,191	1,206	3,397
Fizikal	147,353	71,865	219,218
Pembelajaran	159,576	76,155	235,731
Mental	31,603	20,809	52,412
Pelbagai	17,572	11,315	28,887
Jumlah	416,704	220,833	637,537

Nota. Diadaptasi dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2023.

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

Sifat keterangkuman dan keadilan hendaklah diimplementasikan dalam Gagasan Malaysia Madani. Keterangkuman ini adalah untuk memastikan setiap rakyat yang terdiri daripada ciri kepelbagaian budaya dapat menikmati sumber dan hak yang berpatutan untuk hidup sebagai rakyat Malaysia. Manakala keadilan pula adalah untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dapat dikekalkan selaras dengan ajaran Islam yang melarang membeza-bezakan pelaksanaan keadilan (Adi Anuar Azmin & Abd Rahman Ahmad, 2023).



1.3 Pernyataan Masalah

Gagasan Malaysia Madani pada dasarnya adalah bertujuan membina masyarakat Malaysia yang berteraskan keadilan, keharmonian dan bersatu padu dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya. Menerusi Gagasan Malaysia Madani, pelbagai usaha telah diperkenalkan bagi menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, Program Menu Rahmah (PMR) diperkenalkan dengan menetapkan satu set menu makanan yang berharga RM 5.00 sahaja bagi mengurangkan beban rakyat tanpa mengira perbezaan etnik. PMR telah mendapat sokongan yang ramai daripada industri-industri makanan dan minuman secara sukarela. Program ini telah mencatat pendaftaran sebanyak 2,849 premis di seluruh negara pada 15 Oktober 2023 dan dijangka akan bertambah lagi apabila Kad Diskaun Khas dilaksanakan kepada Pengusaha Menu Rahmah. Kementerian Kewangan pula menyediakan Sumbangan Asas Rahman (SARA) untuk memberi bantuan golongan yang dikategorikan sebagai miskin tegar supaya mereka dapat menampung keperluan barangan makanan asas. Sebanyak lebih 210,000 orang telah menerima bantuan ini dan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 130 juta bagi menjayakan inisiatif ini.

Walaupun pelbagai inisiatif telah disediakan untuk membantu rakyat, namun, terdapat beberapa masalah dalam mendukung dasar ini dalam bidang kalangan masyarakat. Kebanyakan pemimpin termasuk ketua masyarakat kurang pengetahuan dan peka terhadap konsep-konsep Malaysia Madani yang bermanfaat kepada rakyat. Walaupun kerajaan telah berusaha mempromosi dan menyebarkan konsep dan dasar-





dasar Gagasan Malaysia Madani, tetapi kekurangan kepekaan ketua masyarakat menyebabkan mereka mengabaikan kepentingan rakyat. Kepekaan merupakan salah satu nilai moral dan profesionalisme yang ada pada setiap penjawat awam termasuk ketua masyarakat semasa menjalankan amanah demi berkhidmat untuk rakyat. Sifat ini turut dijelaskan oleh Kamarudin Musa (2018):

Nilai moral dan etika merupakan aspek penting yang menjadi perhatian masyarakat dalam konteks penyediaan perkhidmatan, khususnya terhadap penjawat awam yang terlibat langsung dalam merealisasikan dasar-dasar serta keputusan kerajaan, berkaitan dengan kesejahteraan rakyat. Proses penyampaian perkhidmatan perlu diperkukuhkan dengan aspek keprihatinan tugas serta kemampuan mengambil tanggungjawab dalam setiap tindakan untuk membolehkan sesuatu dasar, keputusan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan tegas serta menepati sasaran. (2018:261)

Pernyataan di atas turut menjelaskan peranan seseorang ketua masyarakat yang menjadi orang tengah antara pihak rakyat tempatan dengan pihak kerajaan. Sebagai seorang ketua masyarakat, tanggungjawab mereka adalah menjadi jambatan antara pucuk pentadbiran dengan akar umbi supaya informasi dan kemudahan yang dihebahkan oleh kerajaan dapat diketahui oleh rakyat setempat. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan ketua masyarakat terhadap konsep Malaysia Madani.





Gagasan Malaysia Madani merupakan dasar kerajaan yang diperkenalkan sejak kerajaan perpaduan dibentuk pada setahun yang lalu. Namun, keberkesanan pelaksanaan Malaysia Madani masih belum mencapai objektif yang ingin dicapai. Situasi ini wujud adalah disebabkan oleh ketua masyarakat yang masih belum percaya kepada kerajaan dan dasar yang ingin dilaksanakan. Dalam kajian Zalina Mohd Desa et. al. (2022) telah menjelaskan bahawa kepercayaan dan keyakinan rakyat adalah penting untuk memastikan sesuatu kerajaan mendapat mandat supaya sesuatu dasar dapat dilaksanakan dengan baik. Di sebaliknya, kegagalan sesuatu dasar juga berpunca daripada kekurangan keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Dengan ini, kajian ini juga berhasrat untuk mengetahui sejauh mana ketua masyarakat bersedia untuk terlibat dalam mencapai hasrat Malaysia Madani.



Madani telah menyebabkan tanggapan negatif timbul dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab kajian terhadap Malaysia Madani masih terhad, tanggapan rakyat bahawa gagasan ini adalah slogan politik dan hanya mengukuhkan kedudukan politik sesetengah pihak sahaja. Senario ini akan menyebabkan keberkesanan dasar yang bakal dilaksanakan menghadapi kekangan dan tidak dapat dilaksanakan secara lancar. Oleh itu, kajian ini juga diharapkan untuk mengetahui strategi yang sesuai dilakukan bagi meningkatkan pemahaman ketua masyarakat terhadap Malaysia Madani.





1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang diuraikan, terdapat beberapa persoalan kajian bagi kajian ini ialah:

- i. Apakah tahap pengetahuan ketua masyarakat terhadap konsep dan pendekatan dalam Malaysia Madani?
- ii. Sejauh manakah ketua masyarakat bersedia untuk terlibat dalam mencapai hasrat Malaysia Madani?
- iii. Apakah strategi untuk meningkatkan pemahaman ketua masyarakat terhadap Dasar Malaysia Madani?



1.5 Objektif Kajian

Bagi menjawab permasalahan kajian yang dinyatakan, objektif bagi kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan ketua masyarakat terhadap konsep dan pendekatan dalam Malaysia Madani.
- ii. Meneliti tahap kesediaan ketua masyarakat untuk terlibat dalam mencapai hasrat Malaysia Madani.
- iii. Mengenal pasti strategi untuk meningkatkan pemahaman ketua masyarakat terhadap Dasar Malaysia Madani.





1.6 Skop dan Batasan Kajian

Gagasan Malaysia Madani merupakan dasar baharu yang diperkenalkan setelah kerajaan perpaduan dibentuk. Konsep Madani ini haruslah didedahkan dalam masyarakat Malaysia melalui sokongan dan bantuan daripada ketua masyarakat di sesuatu kawasan. Pendedahan ini adalah untuk memastikan semua rakyat mempunyai pengetahuan terhadap konsep dan pendekatan yang akan dilaksanakan di bawah Malaysia Madani. Oleh itu, kajian ini akan berfokus kepada tahap pengetahuan ketua masyarakat terhadap konsep dan pendekatan dalam Malaysia Madani. Penguasaan mereka terhadap konsep ini supaya mereka akan lebih cakna dan hasrat yang ingin dicapai oleh kerajaan menerusi dasar-dasar ini.



masyarakat, tetapi kesedaran rakyat untuk merealisasikan dan mengamalkannya dapat menentukan kejayaan sesuatu dasar. Malaysia Madani menekankan reformasi dalam semua lapisan masyarakat supaya membentuk kesejahteraan di dalam pelbagai peringkat dan melahirkan para ahli akademik yang berupaya mencari penyelesaian serta menyelesaikan masalah yang timbul daripada masyarakat (Adi Anuar Azmin & Abd Rahman Ahmad, 2023). Demi mencapai hasrat ini, ketua masyarakat harus bersiap sedia untuk mengaplikasi nilai-nilai teras dan dasar-dasar dalam kalangan masyarakat setempat supaya rakyat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama. Dengan ini, kajian ini juga menumpu kepada kesediaan ketua masyarakat untuk terlibat dan bertugas dalam mencapai hasrat Malaysia Madani.





Bagi mencapai hasrat yang dinyatakan di atas, Malaysia Madani telah menggariskan beberapa inisiatif dan pendekatan yang dapat mencapai objektif yang ditetapkan. Inisiatif tersebut telah menjadi petunjuk arah dan garis panduan kepada pelbagai sektor untuk disesuaikan dan dilaksanakan berdasarkan perancangan masing-masing. Pendekatan-pendekatan tersebut harus difahami oleh masyarakat terutama ketua masyarakat supaya mereka boleh mengaplikasikannya berdasarkan tanggungjawab masing-masing. Strategi yang sesuai untuk meningkatkan pemahaman ketua masyarakat terhadap dasar-dasar yang dirancangkan di bawah Malaysia Madani juga harus diberi keutamaan. Justeru, kajian ini juga turut akan menjelaskan strategi yang sesuai untuk dilaksanakan bagi meningkatkan pemahaman ketua masyarakat terhadap dasar di bawah Malaysia Madani.



daerah Tanjung Malim kerana kawasan ini mempunyai masyarakat pelbagai kaum dan budaya. Daerah Tanjung Malim merupakan daerah pertama di Perak dari Selatan dan dikategorikan sebagai bandar raya. Kawasan ini mempunyai penduduk yang pelbagai kaum seperti masyarakat Melayu, Cina, India dan juga golongan minoriti orang asli. Oleh sebab kawasan ini masih dalam proses pembangunan, penduduk di sana khususnya dalam kalangan ketua masyarakat mempunyai pentafsiran dan pandangan berbeza terhadap Gagasan Malaysia Madani yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Informan-informan yang terpilih dalam kajian ini adalah terdiri daripada ketua masyarakat yang berada di kawasan Tanjung Malim. Mereka juga terdiri daripada





pelbagai latar belakang pekerjaan yang berbeza dan berumur dalam lingkungan 25 hingga 50 tahun. Pemilihan kumpulan sasaran ini adalah disebabkan oleh mereka telah mempunyai pemikiran matang dan mengambil berat terhadap isu-isu semasa dalam negara. Kriteria-kriteria ini telah menyebabkan mereka dilengkapi dengan pengetahuan am terhadap situasi politik dan masyarakat Malaysia. Pandangan mereka bernas dapat membantu kajian ini untuk ditinjau dari sudut pandangan yang berbeza.

Salah satu kesukaran untuk menjalankan kajian ini adalah konsep Malaysia Madani merupakan dasar yang baharu kepada Malaysia. Kebanyakan rakyat hanya mengetahui dasar ini secara umum dan kurang mendalam. Keadaan ini telah menyebabkan proses pengumpulan data menghadapi kekangan kerana tidak dapat memberi pandangan yang menjurus kepada pendidikan pelbagai budaya. Oleh itu, kajian ini akan menghadapi kesukaran untuk mendapat kerjasama daripada informan yang kurang pemahaman terhadap konsep Madani.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa signifikasi terhadap masyarakat Malaysia. Salah satu kepentingan kajian ini adalah untuk menilai dan mengetahui masyarakat khususnya ketua masyarakat sejauh mana memahami konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan. Kebanyakan rakyat kurang mengambil berat terhadap hasrat yang ingin dilakukan oleh kerajaan untuk membangunkan Malaysia pada masa hadapan. Sebagai





ketua masyarakat perlu memikul tanggungjawab untuk mencapai objektif Malaysia Madani untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan kesejahteraan. Sehubungan itu, kajian akan meninjau pemahaman ketua masyarakat terhadap prinsip Malaysia Madani dan memilih strategi yang sesuai untuk meningkatkan pemahaman mereka.

Selain itu, kajian ini memfokus kepada pengetahuan ketua masyarakat terhadap dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan sosial di bawah rancangan Malaysia Madani. Hal ini disebabkan dasar-dasar kerajaan yang berpandukan kepada prinsip dan rukun Malaysia Madani dapat membina bangsa Malaysia yang harmoni menerusi pelbagai inisiatif. Isu-isu masalah sosial harus diketahui dan langkah penyelesaian turut perlu diamalkan oleh ketua masyarakat demi mengatasi masalah rakyat. Dengan kajian ini bukan sahaja membantu ketua masyarakat lebih mendalami dasar-dasar pembangunan negara, rakyat juga akan lebih mengetahui hala tuju kerajaan dari semasa ke semasa.

Kajian ini juga diharapkan dapat memupuk sikap prihatin masyarakat khususnya ketua masyarakat terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan Malaysia Madani. Dalam kajian ini turut mengkaji cara atau strategi yang sesuai bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengambil kira kepentingan masyarakat dan masa hadapan negara. Oleh itu, kajian ini telah mengemukakan beberapa strategi yang sesuai bagi menambahkan pengetahuan ketua masyarakat terhadap Malaysia Madani melalui pandangan yang dikumpul daripada informan. Pendek kata, kajian ini





membawa kepentingan kepada semua rakyat untuk mengambil berat terhadap rancangan pembangunan kerajaan.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan untuk kajian-kajian lain yang berkaitan dengan Malaysia Madani pada masa akan datang. Kebanyakan masyarakat masih mempunyai pengetahuan yang sedikit terhadap Malaysia Madani kerana merupakan suatu dasar baharu dan tidak mempunyai rujukan yang banyak. Oleh itu, bidang ini perlu diterokai supaya lebih banyak bidang dalam Dasar Malaysia Madani dapat dikaji serta melahirkan masyarakat di Malaysia untuk mendukung dasar-dasar kerajaan ke arah positif.



Kajian ini telah disusun secara teratur dan sistematik mengikut tema-tema yang berkaitan supaya memudahkan pembaca untuk memahami kandungan penulisan. Secara keseluruhannya, kajian ini disusun dan dibahagi kepada lima bab. Bab pertama ialah pendahuluan. Dalam bab ini menjelaskan konsep asas Malaysia Madani dan menghubungkan kait dengan dasar pendidikan yang diamalkan di Malaysia. Bab ini juga akan membicarakan asas kajian ini yang merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan dan skop kajian dan organisasi kajian.





Bab dua pula membincangkan kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Dalam bab ini akan menghuraikan kajian-kajian lepas sebagai sokongan kepada kajian ini termasuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Wawasan 2020 dan Dasar 1 Malaysia untuk memudahkan pembaca mengetahui kesinambungan penggubalan dasar ini dengan Malaysia Madani. Bab ini juga akan menerangkan sejarah pembentukan sistem pendidikan pelbagai budaya di Malaysia dari pra hingga pasca kemerdekaan sehingga proses menuju ke arah pembentukan Bangsa Malaysia. Bab ini juga akan membincangkan konsep-konsep dan teori yang berkaitan berdasarkan sumber-sumber seperti buku, jurnal, tesis, bahan-bahan elektronik yang sahih.

Bab tiga pula ialah metodologi kajian yang akan digunakan untuk menjalankan kajian ini. Dalam kajian ini, metodologi telah dipecahkan kepada lima proses iaitu reka bentuk kajian, kaedah pemilihan sampel kajian, instrumen kajian yang digunakan, prosedur pengumpulan data dan cara menganalisis data. Bab ini juga akan menghuraikan kaedah kualitatif yang akan digunakan untuk mengumpul dapatan kajian seperti penyediaan soalan temu bual dan mencari bahan rujukan.

Bab empat pula menghuraikan hasil dapatan kajian. Hasil dapatan kajian akan memberi fokus kepada ketiga-tiga objektif kajian dan dibincangkan secara kritis dan mendalam. Hasil dapatan diperoleh melalui analisis hasil temu bual yang dilakukan terhadap informan, kemudian perbincangan turut akan dibincangkan dalam bab ini. Bab lima ialah bahagian kesimpulan yang membincangkan keseluruhan kajian. Bab ini akan





menyimpulkan hasil kajian, cadangan dan harapan terhadap kajian lanjutan yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini.

1.9 Penutup

Dalam bab pendahuluan telah menyediakan pengetahuan dan konsep asas terhadap tajuk kajian ini, iaitu berkaitan dengan Malaysia Madani dan juga masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. Bahagian ini juga lebih mengetahui latar belakang, permasalahan kajian, objektif kajian, skop kajian dan batasan kajian. Malaysia Madani merupakan salah satu bidang kajian yang menarik kerana dasar ini menjadi titik permulaan kepada transformasi kepada kerajaan dan masyarakat Malaysia. Rangka dasar ini juga menunjukkan akan membawa kepada manfaat kepada rakyat Malaysia pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini mempunyai kepentingan dalam menentukan hala tuju dan nasib rakyat Malaysia khususnya berkaitan dengan bidang pendidikan.

